

07 SEP 1997

Mahathir-Jambatan

CADANGAN JAMBATAN BUKAN PROJEK BESAR: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jambatan yang dicadangkan untuk menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera mungkin tergendala walaupun ia tidak dianggap sebagai projek besar.

Katanya walaupun kerajaan telah membuat pengumuman mengenai projek itu, ia tentunya akan mengambil masa yang lama sebelum dilaksanakan.

"Kita perlu mengadakan kajian kemungkinan, membuat rekabentuk, kita perlu membuat pelbagai kerja," katanya pada persidangan berita selepas berakhir Persidangan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir ditanya sama ada jambatan itu antara beberapa projek lain yang akan ditangguhkan berikutan kejatuhan nilai ringgit.

"Jambatan itu boleh tertangguh, itu tidak menjadi halangan tetapi nampaknya ada orang-orang tertentu membantah pelaksanaannya kerana sebab-sebab yang kita tidak faham.

"Nampaknya mereka tidak suka melihat kita membina jambatan itu," katanya.

"Mereka menganggap projek ini sebagai projek besar. Projek ini akan bernilai RM6 bilion. Jumlah itu tidak begitu banyak kerana pada masa ini kita sedang membina projek pengangkutan LRT berharga RM4.3 bilion.

"Jumlah itu kira-kira RM1.5 bilion lebih, jadi ia bukanlah projek besar.

"Tetapi tentunya jika kita teruskan projek ini, mereka (penyangak kewangan) akan berusaha menjatuhkan nilai mata wang kita dan menjadikan kehidupan kita lebih sukar," katanya.

Dr Mahathir mempersoal pengkritik-pengkritik yang membenci Malaysia dan menganggap ini terjadi mungkin kerana Malaysia lebih baik daripada kebanyakan negara yang tidak mempunyai projek-projek yang besar.

"Kita telah lama melaksanakan projek-projek ini dan negara mencapai pertumbuhan lapan peratus, kadar inflasi adalah antara yang terendah di dunia pada tiga peratus, syarikat-syarikat kita mencapai kejayaan," katanya.

Katanya negara kini aman damai dan penduduknya hidup dalam keharmonian manakala politiknya stabil.

"Apa yang salahnya dengan fundamental kita? Mengapa mereka menganggap projek-projek itu projek besar dan cuba menghalang kita daripada melaksanakannya," katanya.

Pada temubual secara langsung menerusi CNN baru-baru ini, Dr Mahathir turut ditanya mengenai jambatan yang dicadangkan itu. Perdana Menteri berkata jambatan itu akan membolehkan pekerja berulang alik antara kedua-dua negara dan menggalakkan penubuhan industri berintensif buruh. --

BERNAMA

AZZ AHH